

Sheik bawa silat ke arena sejagat melalui Internet

Berita Minggu, 9 March 1997, Page 15

Article also available on Microfilm Reel NL21017

Printer-Friendly Page

Sheik bawa silat ke arena sejagat melalui Internet

Oleh'

Yusoff A. Rahman

DUNIA akan terus belajar mengenai silat. Barangkali tidak semestinya di pentas kejohanan. Mungkin tidak di kaca televisyen ataupun melalui pita video.

Tetapi siapa sangka melalui saluran kecanggihan — internet.

Justeru itu, sejangkang bunga penghargaan harus diberikan kepada Sheik Alauddin kerana direntis titisian kesedaran untuk menonjolkan silat pada tatapan antarabangsa.

Ini berikutan langkah johan dunia itu memutuskan untuk menjadi pelanggan Internet.

Walaupun 12 halaman kisah silat yang terdapat dalam Internet lebih banyak berkisar kepada pencapaiannya, tetapi dunia akan tahu bahawa di Singapura, sebuah negara yang sukar dikesan di peta dunia, ada seorang peserta bergelar juara dunia.

Dunia juga akan tahu cetusan harapan, percikan impian dan getora perjuangan seorang anak watan Singapura untuk terus mendaatkan seni yang sepatutnya berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan seni kebudayaan bangsa-bangsa yang lebih maju seperti judo dan karate.

Dunia akan kenal selain karate, judo, kungfu, masih ada sebuah cabang seni mempertahankan diri yang bernama 'silat' — warisan bangsa Melayu.

Tetapi, bagaimana Sheik terdorong menggunakan kecanggihan Internet untuk berkongsi pengalamannya dengan pelanggan Internet di seluruh dunia?

Semuanya bermula kerana cetusan minat gara-gara di sana sini umum memperkatakan tentang kecanggihan Internet dalam menyebarkan arus maklumat dan berkongsi maklumat.

"Jadi, satu hari sewaktu bersama isteri saya, Saadiah (Sanuse), saya tergerak untuk membeli komputer semasa pergi ke satu pameran. Kemudian, saya memohon menjadi pelanggan Singnet yang hanya menyediakan dua halaman," kata Sheik.

Bagaimanapun, Sheik ingin kisah pencapaiannya dan juga sejarah silat dan sebagainya dimuatkan di lebih banyak halaman Internet.

Beliau mula mengenali syarikat Intouch Design kepunyaan orang Melayu setelah membaca akhbar *Berita Harian*.

"Saya menghubungi syarikat itu dan memberitahu apa yang menjadi hasrat saya. Saya ingin pencapaian saya dan juga sejarah, perkembangan dan kegiatan silat dimasukkan dalam halaman Internet.

"Oleh kerana saya memerlukan lebih banyak halaman maka saya terpaksa menyewa halaman tambahan itu daripada Intouch Design.

"Untuk itu, saya terpaksa membayar \$3,750 buat dua tahun untuk mendapatkan 12 halaman dalam Internet," kata Sheik.

Bagaimanapun, beliau telah mendapatkan syarikat penyedia makanan segera, A&W, untuk menaja kosnya.

"Intouch Design melakukan segala-galanya termasuk soal rekabentuknya. Saya hanya menyediakan gambar dan bahan-bahan tulisan saja," kata Sheik.

Hari ini, sebulan selepas lapisan rahsia cita-citanya terdedah kepada dunia, Sheik memberitahu bahawa lebih daripada 900 orang termasuk dari luar negara telah membaca cebisan cerita dan kisah yang terdapat pada 12 halaman Internet-nya itu.

Di akhir dua tahun nanti, beliau menaruh harapan agar seramai 10,000 pelanggan akan mengetahui tentang silat.

Lebih ramai yang tahu tentang silat lebih mudah sukan ini dimajukan di negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat.

Menyedari sukan silat kurang mendapat perhatian terutama sekali pihak media, Sheik menegaskan bahawa satu-satu cara yang dapat membantu silat dikenali di seluruh pelusuk dunia ialah melalui Internet.

"Saya ada menerima pertanyaan melalui 'e-mail' yang ingin tahu lebih lanjut tentang sukan ini.

"Dalam halaman *guess-book* pula, saya mendapat pelbagai galakan terutama sekali usaha saya menggunakan Internet untuk menyebarkan kegiatan silat," kata Sheik.

Menurutnya lagi, satu kelebihan Internet ialah seseorang itu tidak perlu menunggu lama untuk mengetahui sesuatu maklumat.

"Dengan menekan butang komputer saja, apa juga maklumat akan diketahu.

"Saya berharap dunia akan lebih tahu tentang sukan ini, tentang sejarahnya dan juga tentang perkembangan yang semakin pesat," ujarnya.

Tetapi yang tidak kurang pentingnya, dunia akan lebih mengenali Sheik sebagai jaguh dunia.


Dan, dunia silat pula akan merakamkan jutaan terima kasih kepada Sheik kerana membantu mengembangkan maklumat sukan kepada dunia amnya.

Jadi yang untung ialah sukan silat. Terima kasih Internet.

Alamat Internet Sheik ialah <http://www.silat.com>.

“Saya ada menerima pertanyaan melalui ‘e-mail’ yang ingin tahu lebih lanjut tentang sukan ini. Dalam halaman *guess-book* pula, saya mendapat pelbagai galakan terutama sekali usaha saya menggunakan Internet untuk menyebarkan kegiatan silat.”

— Sheik Alauddin.



Mentaja ke 'pelanggang dunia' : Sheik merakam pencapaiannya sebagai juara dunia silat, sejarah, kegiatan serta perkembangan silat dalam 12 halaman Internet.